

Hindari serangan buah pinggang

» Jumlah pesakit semakin meningkat, kos rawatan tinggi

Oleh Nasuha Badrul Huzaini
nasuha@bh.com.my

Serangan penyakit buah pinggang kini semakin membimbangkan dengan statistik terbaharu mencatatkan pada tahun lalu, terdapat 34,767 pesakit yang menerima rawatan hemodialisis di pelbagai pusat rawatan seluruh negara.

Daripada jumlah itu, seramai 60 peratus hingga 70 peratus pesakit menerima pembiayaan penuh

atau separuh oleh kerajaan, manakala selebihnya adalah pesakit yang mendapat bantuan daripada pelbagai badan bukan kerajaan (NGO) termasuklah Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia (NKF).

Menyedari pentingnya usaha mencegah serangan itu, NKF menganjurkan Seminar Kebangsaan bertujuan menggalakkan orang ramai menjalani cara hidup sihat.

Barisan panel juga mengetengahkan pelbagai aspek dan isu berhubung rawatan hemodialisis.

Seminar memabitkan

pelbagai pihak termasuklah pengamal perubatan, pakar kesihatan dan wakil daripada badan kerajaan.

Bincang dana pembiayaan

Program dihadiri Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa. Antara barisan penceramah yang mengambil bahagian termasuklah Ketua Perkhidmatan Nefrologi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Datuk Dr Tan Chwee Choon; Naib Presiden Kelab Nefrolo-



(Dari kiri) Ketua Jabatan Nefrologi, Datuk Dr Tan Chwee Choon, Timbalan Ketua Pengarah KKM, Datuk Dr Jeyaindran Tan Sri Sinnadurai, Presiden Yayasan Buah Pinggang Malaysia, Tan Sri Dr Abu Bakar Suleiman; Dr Ali Hamsa, Ketua Setiausaha KKM, Datuk Dr Chen Chaw Min dan Pengerusi Yayasan Buah Pinggang Malaysia, Datuk Dr Zaki Morad Mohd Zaher.

gi Malaysia, Dr Tan Hee Wu.

Panel turut membincangkan mengenai keperluan dana pembiayaan untuk rawatan dialisis di negara ini dan pelbagai isu berkaitan mengenainya.

Dalam ucapannya, Ali berkata, pihaknya sedar mengenai jumlah pesakit buah pinggang yang semakin meningkat dan membimbangkan di negara ini.

"Justeru, kita memerlukan cara yang lebih menyeluruh dan telus untuk menyelesaikan isu berhubung pembiayaan

rawatan hemodialisis.

"Pesakit buah pinggang memerlukan rawatan dialisis sekurang-kurangnya tiga kali sebulan dan kos yang terpaksa ditanggung agak tinggi.

"Pelbagai badan dan agensi kerajaan sudah menyediakan geran rawatan pesakit buah pinggang kepada NGO selama ini. Bagaimanapun, sistem pembiayaan semasa perlu dinilai kembali," katanya ketika berucap pada majlis perasmian seminar berkenaan di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Harap sumbangan individu, korporat

NKF bekerjasama dengan KKM dalam menyediakan bantuan dan subsidi kepada lebih 1,600 pesakit di 27 pusat miliknya di selu-

ruh Malaysia.

NKF bergantung kepada sumbangan orang ramai dan institusi korporat dalam meraih dana untuk membantu menyediakan rawatan dialisis kepada mereka yang memerlukan.

Sementara itu, Pengerusi NKF, Tan Sri Dr Abu Bakar Suleiman berkata, pihaknya baru-baru ini mengurangkan yuran di pusat rawatan itu daripada RM100 kepada RM90 untuk setiap sesi rawatan bagi pesakit yang tidak mendapat pembiayaan.

"Bagaimanapun, dengan jumlah pesakit buah pinggang kronik yang dijangka mencecah 50,000 pada tahun 2020, kita masih memerlukan sistem pembiayaan yang adil dan tidak membebankan," katanya.

PESAKIT BUAH PINGGANG MEMERLUKAN RAWATAN DIALISIS SEKURANG-KURANGNYA TIGA KALI SEBULAN DAN KOS YANG TERPAKSA DITANGGUNG AGAK TINGGI"

Dr Ali Hamsa,
Ketua Setiausaha Negara

